



Renungan Pagi dan Perkongsian Ilmu: “Corat coretku di Sacramento.”

Pada 5 September 2021 Pejabat TNC (HEP) telah mengadakan Program Renungan Pagi. Program ini diadakan pada hari Rabu dan Ahad dan dijalankan secara dalam talian di medium Cisco Webex selama 1 jam bermula jam 8.00 pagi. Program ini dikendalikan oleh pengacara majlis, Puan Mazliszah binti Aris dan bacaan doa disampaikan oleh Encik Muizzuddin bin Muhammad. Program ini melibatkan semua staf di bawah Jabatan TNC (HEP).

Objektif program ini ialah untuk melancarkan penyampaian maklumat dan ilmu yang berbentuk perkongsian pengalaman dan memotivasikan staf. Pada sesi renungan pagi ini Prof. Madya Dr. Azlan bin Abdul Latib, Pengarah, Bahagian Aktiviti dan Pembangunan Pelajar telah menyampaikan perkongsian ilmu bertajuk “Corat coretku di Sacramento.”

Prof. Madya Dr. Azlan telah menceritakan pengalamannya semasa berpeluang melanjutkan pelajaran ke California State University, Sacramento, California. Beliau mula menyambung pengajiannya ke peringkat PhD pada tahun 2007 selama 6 bulan. Beliau menyewa di Warren Oak, Sacramento dengan bayaran USD800 sebulan. Menurut beliau Sacramento ialah sebuah pekan lama yang banyak meninggalkan kesan sejarah. Kebanyakan pekerja di California melaksanakan urusan kerja di rumah berbanding di pejabat dan kehidupan orang kurang upaya yang suka berdikari.

Antara aktiviti harian yang dilakukan ialah telah mencari pelbagai maklumat, melawat Bazar Karat untuk mencari barang-barang lama, melawat pusat OKU untuk kajiannya dan melawat tempat menarik seperti Peeble Beach Del Monte, San Jose Parade, Universal Studio Hollywood, Night Show and Performance, Last Vegas, Nevada, Monterey Bay dan San Francisco. Beliau telah berjaya melengkapkan kajiannya dalam tempoh 3 bulan yang pertama.


Beliau telah menasihati kepada semua staf supaya meningkatkan pengalaman dengan mempelajari benda baharu, menyimpan tekad dan cita-cita untuk melancong dan merancang tabungan masa hadapan yang baik.

Program ini diakhiri dengan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.


Renungan Pagi / Bacaan Doa JTNCHEP (5.9.2021)-202...



Renungan Pagi / Bacaan Doa JTNCHEP (5.9.2021)-202...



Renungan Pagi / Bacaan Doa JTNCHEP (5.9.2021)-202...



Renungan Pagi / Bacaan Doa JTNCHEP (5.9.2021)-202...

